

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April, 1991

AKP 400 - PENGURUSAN PELABURAN

Masa : [3 jam]

-----  
ARAHAN  
-----

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. Hipotesis Kecekapan Pasaran (Efficient Market Hypothesis - EMH) berasas kepada pelbagai andaian tentang keadaan pasaran sekuriti dan sikap pelabur. Bandingkan andaian-andaian EMH dengan keadaan pasaran Malaysia. Apakah akibat perbezaan antara situasi sebenar dan andaian teoritikal?

[25 markah]

2. Pada tahun lapanpuluhan, kedudukan EMH telah menjadi kurang pasti. Penyelidikan baru telahpun mengemukakan tanda-tanda ketidakcekan wujud di hampir semua pasaran sekuriti. Sila bincangkan bukti-bukti dan pemikiran-pemikiran baru yang mencabar kedudukan EMH.

[25 markah]

AKP400

3. Apakah perbezaan-perbezaan dan kesamaan-kesamaan antara pendekatan fundamentalisma, teknikal dan Hipotesis Kecekapan Pasaran (EMH)? Apakah alasan-alasan mengapa analisa teknikal mungkin berkesan di Malaysia?

[25 markah]

4. Jawab (a) ATAU (b).

(a) Apakah makna "risiko" dalam bidang kewangan? Apakah faktor-faktor risiko yang wujud? Faktor risiko yang manakah mempunyai pengaruh ke atas harga: (i) saham biasa, dan (ii) bon?

(b) Harga sekuriti sentiasa berubah. Jelaskan apakah faktor-faktor yang menyebabkan perubahan harga saham biasa, bon dan opsyen.

[25 markah]

5. Huraikan satu kaedah yang biasa digunakan oleh pelabur-pelabur fundametalisma untuk menilai saham biasa. Apakah masalah-masalah yang dihadapi semasa menggunakan kaedah ini?

[25 markah]

6. (a) Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan Pelbagaian mengikut pandangan Markowitz?

(b) Terangkan bagaimana Sharpe menukarkan pandangan Pelbagaian Markowitz kepada bentuk Teori Portfolio Moden yang diterima secara luas kini.

[25 markah]

AKP400

7. Purata nisbah harga-perolehan (PER) saham-saham BSKL adalah lebih kurang 26 dan kadar pulangan dividen (PY) adalah lebih kurang 1.5%. Ini bermakna saham-saham BSKL dinilai pada paras yang lebih kurang dua kali ganda dibandingkan dengan saham-saham di pasaran lain di rantau ini (yakni pasaran Bangkok, Hong Kong atau Singapura). Sila beri pendapat anda mengapa penilaian saham-saham BSKL adalah begitu tinggi.

[25 markah]

---ooo0000ooo---